

# Main golf sambil bantu pesakit buah pinggang

**KUALA LUMPUR** 22 Julai - Kelab Rotary Damansara akan menganjurkan acara ‘Swing for Charity Golf 2016’ pada 9 Oktober depan di Bukit Jalil Golf and Country Resort.

Dengan tema ‘Rotary Serving Humanity’ merupakan program amal bagi membantu pesakit buah pinggang yang memerlukan bantuan dialisis dari masa ke semasa.

Presiden Kelab Rotary Damansara, P Anna Raj berkata, pertandingan golf amal itu dengan kerjasama Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) bertujuan mengumpul dana bagi membeli dua buah mesin dialisis baharu

untuk pusat dialisis yang kini ditempatkan semula di Selayang.

“Pembelian dua buah mesin dialisis baharu memerlukan sejumlah RM100,000 dan Kolej CQ Tech Bryer bersetuju menyumbang sebanyak RM50,000,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Anna Raj berkata, acara amal yang diadakan setiap tahun itu turut mendapat perhatian serta sokongan dari pada Menteri Kewangan Kedua, Datuk Johari Abdul Ghani.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Richard di 012-2182401 atau Anna di 012-3243781.